

JABATAN PERKHIDMATAN
AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN
U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

9hb. April, 1975.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1975

Pembayaran Elaun Tambahan ke atas pencen yang dibayar di bawah Sekim Pencen Balu dan Anak Yatim, Semenanjung Malaysia.

Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai daripada 1hb. Januari, 1973, satu elaun baru akan dibayar ke atas pencen yang dibayar di bawah Sekim Pencen Balu dan Anak Yatim, Semenanjung Malaysia, tanpa mengira di mana penerimanya bermastautin. Mulai daripada tarikh itu, elaun baru ini yang digelar Elaun Tambahan, akan menggantikan "Elaun Supplementary" yang di bayar di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.21 Tahun 1964 bertarikh 24hb. November, 1964.

2. Kadar-kadar Elaun Tambahan ini adalah mengikut formula yang sama seperti yang dibentangkan di perenggan 2, [Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1974](#) bertarikh 18hb. Januari, 1974. Mengikut formula ini, Kadar Elaun Tambahan yang boleh dibayar adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual di Lampiran 'A' kepada Pekeliling ini Kadar-kadar Elaun Tambahan yang dikurniakan tidaklah berbeza samada penerimanya mempunyai orang-orang tanggungan atau tidak.
3. Jika pencen pokok yang terlibat mengandungi sebahagian daripada satu ringgit, Elaun Tambahan akan dibayar mengikut kadar bagi ringgit yang tertinggi yang paling dekat.
4. Jika seorang balu atau seorang anak yatim menerima bahagian-bahagian pencennya lebih daripada satu pihak Pentadbiran seperti yang diiktiraf mengikut Seksyen 15, Enakmen Pencen Balu dan Anak Yatim, (N.M.B. - Bab 26), sebarang Elaun Tambahan yang dibayar di bawah Pekeliling ini akan ditentukan berdasarkan jumlah bahagian-bahagian itu dan sebahagian daripada elaun itu yang merupakan bahagian Kerajaan Persekutuan akan dibayar kepada pesara berkenaan. Bahagian Kerajaan Persekutuan akan ditentukan mengikut contoh di bawah:-

Puan 'A' menerima pencen balu dan anak yatim sejumlah \$100.00 sebulan yang terdiri daripada bahagian-bahagian seperti berikut :-

Bahagian pencen kerana mencarum kepada Sekim Pencen Balu dan Anak Yatim,

= \$ 60.00 sebulan

Semenanjung Malaysia (F.M.S. Bab. 26)

Bahagian pencen kerana mencarum
kepada Sekim Pencen Balu dan
Anak Yatim, Negeri "x"

= \$ 40.00 sebulan

Jumlah pencen: \$ 100.00 sebulan

Elaun Tambahan yang layak dibayar
ke atas jumlah pencen itu

= \$ 54.00 sebulan

Oleh itu, Elaun Tambahan yang
layak dibayar ke atas bahagian
pencen sebanyak \$60.00

= \$ 54.00 x 60.00

100.00

= \$ 32.40 sebulan

5. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 21 Tahun 1964 adalah dengan ini dibatalkan.

(CLEMENT Y.M. HON)

Bahagian Pencen,

b.p. Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.